



Coming soon in June 2023. NewspaperSG will be refreshed with a new look and user experience. Stay tuned!

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home &gt; Berita Harian &gt; 16 January 1965 &gt; Page 8 &gt; Bekas anggota2 pasokan keselamatan merayu minta tanah

## Bekas anggota2 pasokan keselamatan merayu minta tanah

Berita Harian, 16 January 1965, Page 8

Article also available on Microfilm Reel NL4317

Scroll to Top

Previous Article

Next Article

Previous Page

Next Page

# Bekas anggota2 pasokan keselamatan merayu minta tanah

KAJANG, Juma'at — Sa-ramai 800 orang bekas2 pasokan keselamatan daerah Ulu Langat yang terdiri dari bekas2 tentera, polis dan polis khas akan membuat surat rayuan kepada Menteri Besar Selangor Dato' Harun bin Haji Idris untok memberi tanah perumahan kepada bekas2 pasokan keselamatan daerah ini

Inche' Saad bin Wan bekas sa-orang Sgt Polis bersara memberi tahu Berita Harian bahawa sebab-nya bekas2 pasokan keselamatan daerah ini hendak membuat rayuan kepada Menteri Besar kerana banyak bekas2 pasokan keselamatan tidak mempunyai tanah tempat tinggal di-daerah ini.

Sungguh pun ramai anggota2 bekas pasokan keselamatan telah membuat rayuan untok meminta tanah perumahan di-Pejabat Daerah di-sini tetapi tidak sa-orang pun bekas2 pasokan keselamatan mendapat tanah2 yang akan di-beri kepada orang ramai di-daerah ini.

Inche Saad juga menerangkan di-daerah ini telah

### Information



Newspaper:  
Berita Harian  
Date:  
16 January 1965  
Reel Number:  
NL4317

Share



### Table of Contents

&lt; Previous Page 8 Next &gt;

#### RA'AYAT MENDERMA KPD TABONG PERTAHANAN

RA'AYAT MENDERMA KPD TABONG PERTAHANAN Juma'at. JI Ra'ayat negeri Pah-ing pada minggu yang lalu


#### Peladang2 di-beri anak2 rambutan chantom

Peladang2 di-beri anak2 rambutan chantom U AGAN DATOH Juma at. Jabatan Pertanian Hiiir Perak telah

#### Na' tambah projek untok penganggor


Na' tambah projek untok penganggor OAHU. Juma'at. — KerMI iiii Negeri Sembilan menialakan Driek2

View Full Table of Contents




banyak memberi tanah TOL kepada orang ramai tetapi yang banyak mendapat tanah itu ia-lah orang2 China.

## PERUMAHAN



Dengan kerana sedikit sahaja jumlah-nya bekas2 pasokan keselamatan di-daerah ini mendapat tanah perumahan ahli2 bekas pasokan keselamatan daerah ini akan membuat permohonan kepada Menteri Besar Selangor mengadakan satu kawasan perumahan untuk bekas2 pasokan keselamatan sendiri.



Baharu2 ini Pejabat Daerah Ulu Langat telah memberi tanah perumahan kepada penduduk2 kawasan di-Jenderam, dan Sungai Ramal Luar, Kajang.

Tetapi tidak sa-orang pun bekas2 pasokan keselamatan di-beri peluang untuk mendapatkan tanah perumahan ini.

Menurut Inche' Saad lagi sekarang ini di-daerah Ulu Langat banyak tanah2 kosong maseh belom di-kerjakan.

Untuk mengatasi masa'alah kekurangan tanah kepada bekas perajurit ini satu rombongan bekas pasokan keselamatan daerah ini akan menemui Menteri Besar untuk mengemukakan rayuan untuk mendapatkan tanah perumahan.

### Related Articles



No related article found.

